

MENYELUSURI AKAR MELAYU DENGAN TEORI KEUNGGULAN TEKSDEALISME

AB RAHMAN NAPIAH

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris

PENDAHULUAN

Ada suatu kecenderungan di dunia pascamoden yang mula merangkak ke dunia hipermoden terkini, setiap bangsa itu ingin kembali ke asal akar peribadinya sendiri. Dunia yang serba cepat, tangkas dan rangkas mara ke hadapan membina tamadun baru, namun sebelah kakinya tetap terdorong ke belakang, kerana di situ lah janin bangsanya mula membentuk dirinya. Teori-teori sastera mutakhir seperti teori new historisme, teori budaya pascakolonialisme, teori etnik, teori perjalanan dan teori autobiografik banyak menggali dan menyelongkar semula tradisi dan sejarah sesuatu bangsa itu untuk melihat akar dan genetiknya. Inilah suatu fenomena zaman pascamoden yang ditata oleh globalisme yang merindui masa silam, kerana mutiara dan permata sesuatu bangsa itu terdiam dalam sejarahnya. Dalam tulisan ini, sebagai menyahut kecenderungan teori-teori tersebut, saya cuba menggali kehadiran dan kewujudan bangsa Melayu dalam pembinaan keunggulannya dengan menggunakan teori teksdealisme.

Bercakap tentang Melayu selamanya akan menarik, kerana sifat tolak ansurnya dan budi bahasanya, yang saya kira sukar didapati pada bangsa lain. Orang-orang yang datang dibentangkannya tikar, diakuinya saudara, malah tikar itu dihadiahkannya sebagai tanda penghormatan. Tanda itu lambang kepada ketulus-ikhlasannya. Malah, akhirnya ia kehilangan tikar itu. Tulisan ini bertujuan untuk membicarakan sejarah dan pencapaian tamadun budaya Melayu, serta menilai sudut pencapaian tamadunnya; di samping menyuluh nasib dan takdirnya.

Dengan itu aspek-aspek yang akan dikaji dan dianalisis ialah sejarah kehadiran Melayu dari segala rantaunya. Pembentukan masyarakat dan kerajaannya. Perubahan zaman kolonialisme dan pascakolonialisme. Segala rinci budaya termasuk kesusasteraan dan kebahasaannya di anjung teras kekuasaan, ekonomi, pendidikan dan sebagainya dalam pendirian keutamaan dan pertuanan Melayu di tanah airnya akan dibincangkan. Tulisan ini cuba meletakkan beberapa dasar penjati-dirian Melayu dan mempertanyakan keglobalan Melayu dalam dunia pascamodennya.

AKAR MELAYU

Orang Melayu adalah penduduk asal negara ini. Mereka diterima dan dianggap sebagai penduduk peribumi Tanah Melayu. Orang Melayu yang meneroka dan membuka negara ini. Nenek moyang orang Melayu berasal dari Yunnan. Mereka telah mengembara 3,500 tahun dahulu dan menduduki kawasan yang dinamakan tanah semenanjung hari ini. Pada zaman dahulu, Tanah Melayu tidak berpisah dengan kepulauan Indonesia. Tidak ada Laut Selat Melaka yang memisahkan di antara kedua buah negeri. Oleh itu, 3,500 tahun dahulu nenek moyang Melayu datang mengembara menuju kawasan selatan Yunnan. Yunnan ialah negeri yang sekarang ini terletak di China. Ramailah pengembara dari Yunnan menuju ke tempat-tempat yang kemudian disebut Indonesia dan Malaysia. Apabila berlaku suatu gempa bumi yang besar, sebahagian tanah telah runtuh. Gempa bumi itu akhirnya memisahkan di antara kedua buah negeri. Tanah runtuh itu, lalu diisi dengan air. Lama kelamaan ia menjadi laut dan laut itu ialah Selat Melaka. Jadi, orang Melayu Malaysia dan penduduk Indonesia adalah daripada rumpun yang sama. Nenek moyang kedua-dua bangsa itu berasal diri rumpun yang sama. Kalau di Indonesia, mereka adalah penduduk asal Indonesia; di Malaysia orang Melayu adalah penduduk asal Tanah Melayu. Orang Melayu yang datang dari Yunnan, mempunyai cara hidup yang tersendiri. Pada mulanya, mereka tinggal di gua-gua. Hanya gua tempat yang selamat daripada ancaman binatang buas. Lagipun pada waktu itu, mereka masih belum tahu membuat rumah. Makanan utama mereka ialah binatang buruan (Anderson, B.R.O.G., 1972).

MEMBINA BUDAYA

Setelah orang Melayu pandai membuat rumah, mereka pun membuat rumah secara cukup sederhana. Hari ini, rumah yang dibina dikenali sebagai pondok. Pekerjaan utama mereka masih berburu. Cara mereka berburu sudah semakin baik. Alat-alat yang digunakan untuk memburu juga semakin lengkap. Sedikit demi sedikit, cara hidup orang Melayu bertambah maju. Dahulu, mereka suka berpindah-randah. Sekarang, mereka

tinggal pada suatu tempat yang tetap. Mereka juga sudah pandai menanam padi, ubi kayu, pisang, jagung dan sebagainya. Semua makanan mereka masak, orang Melayu sudah pandai mencipta api (Ahmad Syalaby, 1970).

Lebih kurang 2,000 tahun masyarakat Melayu menjadi sebuah masyarakat tertutup. Pada waktu itu, orang Melayu masih belum tahu berhubung dengan bangsa lain. Dalam zaman yang panjang ini, orang Melayu tinggal berkelompok-kelompok. Mereka banyak memilih kawasan di tepi pantai dan tanah-tanah pertanian. Di tepi pantai, mereka mendirikan rumah. Mereka bekerja sebagai nelayan. Di kawasan pertanian, mereka hidup sebagai petani atau peladang. Mereka akan melantik seorang ketua atau penghulu sebagai tempat mengadu segala masalah. Orang Melayu tinggal di sesebuah kawasan, lalu mereka namakan kampung. Jadi, seseorang yang dianggap terhormat dan disegani dilantik menjadi ketua, yang dikenali sebagai ketua kampung.

Pada zaman ini, orang Melayu menganut kepercayaan animisme, kepercayaan yang menunjukkan setiap benda itu ada kuasa atau penunggunya, misalnya penunggu padi ialah izihoma yang mempunyai kuasa menghidupkan atau mematikan pokok padi. Ia juga berkuasa menentukan sesuatu musim itu banyak mendatangkan hasil padi atau sedikit. Penunggu atau kuasa ini boleh dipujuk dengan membuat upacara pemujaan. Sebab itu masyarakat Melayu masa silam mengadakan berbagai-bagai majlis pemujaan. Ada ketua yang menjalankan pemujaan ini, dinamakan sebagai bomoh atau pawang (Mana Sikana, 2007).

CITRA SASTERA

Cara hidup masyarakat Melayu zaman dahulu dapat kita ketahui dengan melihat hasil kesusasteraan. Pada zaman itu belum ada lagi tulisan, oleh itu hasil sastera berkembang secara lisan yang disebut sebagai sastera rakyat. Sastera rakyat ialah hasil kesusasteraan yang diwarisi dan dikumpulkan dari zaman datuk moyang orang Melayu pada zaman dahulu. Antara hasil sastera yang tinggi mutunya ialah pantun, sejenis puisi yang dicipta oleh orang Melayu sebelum mereka berkenalan dengan bangsa asing. Selain daripada puisi pantun, orang Melayu ada peribahasa, kata-kata hikmat, bidalan, pepatah, bahasa berirama dan jampi serapah. Dalam bidang prosa pula ialah cerita lipur lara, cerita jenaka, cerita asal usul, cerita binatang, cerita hantu dan sebagainya. Dengan membaca hasil sastera masa silam, kita dapat menggambarkan masyarakat Melayu zaman dahulu, juga menunjukkan bahawa masyarakat Melayu mempunyai kemajuan dan tamadunnya sendiri; kedudukannya sama juga dengan bangsa-bangsa lain di dunia (Siti Hawa Salleh, 1987).

Suatu khazanah atau tinggalan bangsa Melayu yang sangat berharga ialah adat resam dan pantang-larang. Adat resam dan pantang-larang sebenarnya ialah undang-undang masyarakat Melayu dahulu. Kita mengambil contoh sebuah kata-adat, adat resam Melayu:

Nan jauh dijemputkan
Nan dekat dikampungkan
Nan berkumpul disayangkan

Itu adalah adat resam yang menunjukkan bagaimana masyarakat Melayu menghormati kawan dan teman. Masyarakat Melayu dahulu, sangat kaya dengan kata-kata adat resam itu yang semuanya menggambarkan keadaan hidup masyarakat Melayu lama.

Bangsa India adalah di antara kaum yang mula berkenalan dengan orang Melayu. Orang India sudah jauh lebih maju daripada orang Melayu dan juga adalah bangsa tertua yang sama dengan Greek dan China daripada segi tamadunnya. Oleh kerana orang India lebih maju, apabila mereka datang ke Tanah Melayu, mudah mereka menguasai orang Melayu. Langkasuka dan Gangga Negara adalah dua buah negeri yang diasaskan oleh orang India. Selama tujuh kurun orang India berhubung dan hidup bersama-sama dengan masyarakat Melayu. Banyak adat istiadat Hindu yang terserap dalam budaya Melayu, antara adat istiadat yang kekal hingga ke hari ini ialah adat berinai, adat bersanding dan sebagainya. Dua buah kitab Hindu iaitu *Mahabharata* dan *Ramayana* hingga ke hari ini, mempengaruhi sastera Melayu. Ia membawa puisi lama seperti gurindam, seloka dan cerita-cerita binatang. Dalam masa tujuh kurun itu sastera Melayu dikuasai oleh sastera Hindu. Satu perkara yang agak menarik ialah orang Melayu tidak pernah tertarik dengan agama Hindu, tidak seperti di Bali, Indonesia. Ramai penduduk Bali hingga ke hari ini masih memeluk agama Hindu, orang Melayu di Tanah Melayu, tetap menganut kepercayaan animism (Soedjatmoko, 1965).

KEDATANGAN ISLAM

Orang Melayu banyak berubah setelah mereka memeluk agama Islam di sekitar kurun kelima belas. Cara hidup orang Melayu menjadi lebih maju dan baik. Orang Melayu adalah penganut agama Islam yang setia, boleh dikatakan keseluruhan orang Melayu beragama Islam. Agama Islam sangat sesuai dengan cara hidup orang Melayu. Orang Melayu di Tanah Melayu, kemudiannya berkenalan dengan bangsa-bangsa asing seperti

Portugis, Belanda dan Inggeris. Ketiga-tiga bangsa Barat ini datang menjajah negara ini. Dalam zaman pemerintahan Inggeris, Tanah Melayu dibuka pula kepada bangsa asing seperti Cina dan India, yang datang beramai-ramai untuk bekerja sebagai buruh (Sullivan F., 1985).

Di samping itu, Tanah Melayu juga didatangi oleh saudara serumpunnya dari Indonesia. Mereka datang dari ceruk rantau kepulauan Indonesia dengan tujuan mencari pekerjaan untuk menampung hidup. Suatu masa dahulu seperti yang tercatat dalam sejarah, bentuk fizikal muka bumi Tanah Melayu dan Indonesia adalah bercantum. Apabila berlaku gempa bumi, sebahagian daripada tanahnya runtuh, terjadilah beberapa buah laut. Antara laut itu ialah Laut Selat Melaka, yang memisahkan di antara Tanah Melayu dengan kepulauan Indonesia hingga sekarang (Muhammad Yusof Hashim, 1988). Kita juga sudah tahu, bahawa penduduk Tanah Melayu dan kepulauan Indonesia, mempunyai asal usul yang sama. Nenek moyang mereka berasal dari Yunnan, justeru itu, daripada segi rupa dan jasmani kedua-dua bangsa itu adalah sama. Penghijrahan penduduk kepulauan Indonesia ke Tanah Melayu, tidak disebut sebagai pendatang, seperti yang digelar kepada orang Cina dan India; hal ini disebabkan mereka sama dari rumpun yang sama.

MELAYU MELAKA

Jika kita meneliti sejarah Melaka, sebenarnya ia diasaskan oleh orang Melayu Indonesia. Parameswara yang menjadi sultan Melaka pertama adalah berasal dari Palembang, Indonesia yang telah melarikan dari Palembang dan kemudiannya membuka Singapura, dan dari Singapura dia pergi ke Tanah Melayu dan membuka Melaka (Abdul Samad Ahmad, 1986). Oleh itu, ketuaan raja Melaka itu berasal dari kepulauan Indonesia, di mana Parameswara dikatakan mempunyai darah Sumatera, ada juga yang mengatakan dia mempunyai percampuran darah dengan India. Jumlah pengikut Parameswara yang berasal dari Indonesia itu, tidak kurang lima ratus orang. Mereka inilah yang berkembang menjadi penduduk Melayu Melaka. Ada juga yang telah berpindah semenjak abad ke-19, tetapi penghijrahan ini tidaklah begitu besar. Mereka datang untuk bermiaga atau membuka kampung baharu, kebanyakannya mereka datang dari kepulauan Sumatera, Indonesia. Pada abad keempat dan kelima belas, perpindahan orang Indonesia menjadi semakin ramai, yang berlaku setelah Melaka menjadi sebuah negeri yang kaya, masyhur dan aman makmur (Roff.W., 1974).

Hubungan kerajaan Melaka dengan kepulauan Indonesia sudah terjalin begitu lama dan erat; perkara ini disebutkan sultan Melaka sendiri berasal dari sana. Sewaktu Melaka menjadi pusat perniagaan dan pusat perkembangan agama Islam, hampir

satu perempat penduduk Melaka terdiri daripada mereka yang berasal dari kepulauan Indonesia. Berdasarkan catatan sejarah, penduduk yang paling ramai sekali ialah dari pulau Sumatera dan pulau Jawa, yang tujuan kedatangan mereka ialah untuk bermiaga. Oleh kerana bahasa pertuturan mereka sama, hubungan di antara kedua bangsa itu cepat mesra, berlakuhal perkahwinan dan lahirlah masyarakat Melayu campuran di antara kedua buah negeri.

Berdasarkan sejarah Melaka, kita dapat mengetahui bahawa Sultan Mansur Syah telah berkahwin dengan puteri Majapahit. Sekembalinya ke Melaka, ada rombongan Jawa ikut serta, samalah seperti perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan puteri Maharaja China. Orang Majapahit, yang berketurunan Jawa itu mendapat tempat istimewa di Melaka, ada antaranya dilantik menjadi pembesar negeri di istana sultan, seperti Pateh Karma Wijaya dilantik menjadi pembesar negeri dan sangat rapat dengan Sultan. Dalam *Sejarah Melayu* (1986) ada juga menyatakan bahawa hasil daripada perkahwinan itu, ramailah orang Sumatera tinggal di Melaka. Antara mereka yang berpindah ke Melaka ialah keluarga Hang Tuah yang berasal dari Sumatera, iaitu berpindah dari Bentan, sewaktu Hang Tuah masih kecil lagi. Ibu dan bapa Hang Tuah tinggal di kampung Datuk Bendahara dengan membuka kedai, dan memang ramai orang Sumatera pindah ke Melaka menjadi peniaga. Sultan Melaka sendiri menggalakkan orang Melayu dari kepulauan Indonesia berhijrah ke Melaka kerana negeri ini perlu mempunyai penduduk yang ramai. Melaka hanya akan membangun dan maju dengan penduduk yang ramai, oleh sebab itu, ramailah orang dari tanah seberang datang ke Melaka; tambahan pula, Melaka sendiri menyediakan kerja, iaitu sebagai peniaga atau petani.

SENI BUDAYA

Wayang kulit ialah sejenis seni budaya, yang mula dibawa ke Melaka pada abad kelima belas. Wayang kulit orang Jawa yang berhijrah ke Melaka. Dalam catatan sejarah wayang kulit, seni budaya itu mendapat tempat istimewa di Melaka. Pada masa itu, tidak ada seni persembahan yang unik seperti wayang kulit di Melaka. Apabila mula diperkenalkan, dengan cepat ia menjadi seni hiburan yang popular dan disukai ramai (Mano Sikana, 2006). Orang Jawa memang ramai pada zaman Melaka kerana mereka sangat rajin bekerja. Ramai pekerja istana berbangsa Jawa. Begitu juga semasa Portugis menyerang Melaka, sultan telah memanggil ramai orang Jawa dengan diberi gaji yang tinggi untuk mempertahankan Melaka. Askar upahan inilah yang menentang Portugis sambil dibantu oleh orang Melaka sendiri. Oleh kerana tentera Portugis terlalu kuat, akhirnya Melaka jatuh ke tangan Portugis. Di samping orang Jawa, ada beberapa kaum

ari kepulauan
cali ialah dari
tuk bemiaga.
igsa itu cepat
tan di antara

ur Syah telah
an Jawa ikut
taraja China.
Melaka, ada
arma Wijaya
arah Melayu
ailah orang
h keluarga
Hang Tuah
ara dengan
di peniaga.
a berhijrah
nanya akan
illah orang
nyediakan

ad kelima
n sejarah
masa itu,
bila mula
kai ramai
mereka
Portugis
gaji yang
Portugis
alu kuat,
o kaum

lain yang telah berhijrah dan bermastautin di Melaka seperti orang Minangkabau dan Bugis. Adat pepati menyebabkan dua kaum ini cepat sampai ke sebuah tempat. Adat ini menggesa dan menggalakkan anak-anak muda supaya merantau. Seseorang anak muda itu dianggap tidak dewasa lagi dan matang fikiran jika dia tidak merantau. Tujuan merantau ialah untuk mendidik seseorang anak muda itu supaya tabah, sabar dan sanggup menghadapi cabaran. Pada mulanya, mereka bekerja sebagai petani dan peladang di kawasan pedalaman Melaka, kerana sultan Melaka membenarkan mereka membuka tanah-tanah baharu, oleh kerana jumlah mereka ramai, dan mempunyai ramai, lama kelamaan mereka terus tinggal di Melaka. Sebuah tempat di Melaka yang terkenal ramai orang Minangkabau ialah Naning, yang asalnya diberi oleh sultan untuk orang Minangkabau bercucuk tanam, akhirnya, ia menjadi tempat kediaman mereka.

Ramai sekali orang Minangkabau tinggal di Naning, oleh kerana terlalu ramai, sultan membenarkan mereka membuka kawasan baharu. Di samping itu, semakin ramai orang Minangkabau dari Sumatera datang ke Tanah Melayu, banyaklah tempat baharu dibuka seperti Jelebu, Johol, Jempul, Rembau, Ulu Muar, Sungai Ujong, Seri Menanti, Inas dan Gemencih. Akhirnya, tempat-tempat atau daerah-daerah itu disatukan untuk didirikan sebuah negeri baharu, iaitu yang dinamakan Negeri Sembilan. Negeri Sembilan merupakan kemuncak penghijrahan dan penempatan orang Minangkabau di Tanah Melayu dengan mengamalkan dan mengekalkan Adat Perpatih, yang memberi kuasa kepada kaum wanita untuk mewarisi harta pusaka. Bagi kaum lelaki, jika mereka mahukan harta, mereka mestilah merantau dan mencarinya di tempat lain. Konsep mencari harta dan merantau itulah yang menyumbang kepada terbentuknya Negeri Sembilan. Orang Minangkabau terkenal dengan keberanian mereka. Pada tahun 1521, Melaka jatuh ke tangan Portugis, Naning yang pada waktu itu menjadi daerah Melaka, diminta tunduk kepada Portugis; tetapi orang Minangkabau Naning enggan menyerah kalah kepada Portugis.

Portugis terpaksa menyerang Naning. Orang Minangkabau mempertahankan Naning, malangnya, Naning menerima nasib yang sama seperti Melaka. Serangan Portugis pada kali yang kedua tidak dapat dipatahkan, akhirnya Naning terpaksa tunduk kepada Portugis. Setelah beberapa lama Portugis menawan Naning, mereka dapati orang Bugis sangat rajin bekerja. Lama-kelamaan orang Portugis bersahabat dengan orang Minangkabau. Kerajinan orang Minangkabau itu bekerja menyebabkan banyak bijih timah dihasilkan. Sebenarnya salah satu sebab Portugis datang ke Melaka, kerana inginkan bijih timah. Orang Minangkabau membolehkan mereka mendapatkan bijih timah itu, maka ramailah orang Minangkabau dibawa masuk dari Sumatera. Portugis melantik ketua-ketua atau

penghulu kampung dalam kalangan orang Minangkabau. Sewaktu Negeri Sembilan terbentuk, Portugis juga melantik beberapa orang penghulu memerintah daerah-daerah di negeri itu (De Jong, de Josselin, 1952).

Portugis berlaku zalim terhadap orang Minangkabau dengan dipaksa bekerja keras, disuruh mendulang bijih, tetapi bayarannya sangat murah. Orang Minangkabau terasa tidak dilayan dengan baik oleh orang Portugis apabila sultan Johor iaitu Sultan Ali Jalla Abdul Riaayat Syah berusaha hendak menghalau Portugis di Melaka, orang Minangkabau menyokong sultan Johor. Orang Minangkabau sudah benci dengan sifat tamak haloba orang Portugis. Dengan bantuan orang Minangkabau, Johor menyerang Portugis di Melaka. Bukan mudah hendak mengalahkan orang Portugis yang sangat kuat itu, kerana kota A Famosa yang kuat dan kukuh dibina di muara pelabuhan Melaka. Oleh itu, sukar bagi orang Minangkabau menembusi kubu itu.

Belanda kemudiannya bercita-cita hendak menakluk; Melaka dan orang Minangkabau segera berjanji akan memberi bantuan. Pada tahun 1641, bersama-sama dengan Belanda, orang Minangkabau mengepung kota A Famosa. Kepungan itu berjalan begitu lama, sehingga tentera Portugis mati kebuluran. Akhirnya, Portugis mengaku kalah. Melaka jatuh pula ke tangan Belanda. Hubungan orang Minangkabau dengan Belanda sangatlah baik. Orang Minangkabau menjadi pencari, pengumpul dan penyedia bijih timah kepada Belanda. Pada waktu ini, orang Minangkabau semakin ramai berhijrah dari Sumatera. Belanda bersedia memberikan tanah untuk bercucuk tanam. Kampung, bandar dan daerah baharu banyak dibuka, yang akhirnya yang membina dan membuka Negeri Sembilan.

Belanda tetap dengan sikapnya sebagai penjajah, yang mementingkan ekonomi dan dirinya sahaja. Belanda juga seperti Portugis, akhirnya memeras tenaga orang Minangkabau. Belanda mengenakan cukai yang tinggi terhadap hasil pertanian dan bijih timah orang Minangkabau. Orang Minangkabau tidak mahu tunduk kepada kemahuan Belanda. Belanda telah mengepung orang Minangkabau di Naning. Sebelum terjadi pertumpahan darah, kedua-duanya bersetuju untuk berdamai. Melalui perjanjian yang dibuat bersama orang Minangkabau dikenakan membayar ufti kepada Belanda. Ini memberi sedikit kebebasan kepada orang Minangkabau (Soedjatmoko, 1965).

BUDAYA BUGIS

Bugis adalah suatu bangsa yang sudah lama berhijrah ke negera ini, tetapi orang Minangkabau jauh terlebih dahulu datang ke mari daripada mereka. Punca penghijrahan orang Bugis ke Tanah Melayu ialah orang Belanda. Pada zaman Portugis di Melaka, orang

Bugis kurang mengambil bahagian dalam sejarah Melaka. Memang ada yang sampai ke Melaka pada zaman kesultanan Melaka, tetapi tidak ramai, malah ada juga yang tinggal di Melaka, namun bilangannya kecil, mereka hanya pergi dan datang sebagai peniaga. Bugis dalam sejarahnya kita ketahui melalui *Salasilah Melayu dan Bugis* (1984). Orang Minangkabau seperti yang telah dinyatakan sedia memiliki Naning di Melaka, tetapi orang Bugis tidak ada tempat di Melaka. Hubungan Bugis dengan Melaka atau Tanah Melayu agak lambat.

Sejarah Bugis menjadi ternama setelah mereka berjaya menjadikan pelabuhan Makasar sebagai pusat perniagaan rempah. Belanda menyaksikan hal ini dengan hati yang cemburu. Dengan kekuatannya, akhirnya Belanda menyerang Makasar. Orang Bugis tidak dapat bertahan, kerana Belanda menggunakan senjata api. Orang Belanda meminta orang Bugis tunduk kepada mereka dengan menyediakan mereka bahan-bahan rempah, tetapi orang Bugis tidak mahu menyerah kepada Belanda. Orang Bugis kemudiannya membuat keputusan meninggalkan Makasar dan mencari tempat lain untuk memulakan penghidupan baru. Dengan itu, bermulalah penghijrahan orang Bugis ke Tanah Melayu. Pada tahun 1667, Raja Bugis di Sulawesi Daeng Rilaka dan lima orang anaknya Daeng Merewah, Daeng Perani, Daeng Chelak, Daeng Menambun dan Daeng Kemasi telah belseyar ke beberapa buah negeri di Tanah Melayu. Ada antaranya pergi ke Johor, Selangor dan beberapa tempat yang lain. Pada waktu itu orang Melayu di Tanah Melayu sudah mempunyai negeri seperti Perak, Selangor, Kedah, Negeri Sembilan, Johor dan negeri-negeri lain. Tiga orang anak raja Bugis itu telah mendapat tempat di negeri-negeri Tanah Melayu. Daeng Parani dan Daeng Merewah mendapat tempat di Johor, Daeng Chelak mendapat tempat di Selangor. Kedudukannya tercabar apabila Raja Kecil mengaku bahawa dia waris sultan yang sah. Raja Kecil telah meminta bantuan orang Bugis Selangor. Orang Bugis Selangor diketuai oleh Daeng Parani. Malangnya, sebelum Bugis sampai, Raja Kecil telah meminta bantuan daripada orang Minangkabau. Angkatan Raja Kecil akhirnya, berjaya mengalahkan angkatan Bendahara Abdul Jalil, Raja Kecil lalu menaiki takhta kerajaan negeri Johor.

Orang Bugis sangat marah kerana Raja Kecil telah mungkir janji. Bendahara Abdul Jalil sedar akan hal ini, lalu meminta bantuan daripada orang Bugis untuk menyerang Raja Kecil. Orang Bugis setuju dengan pakatan perang itu. Bendahara Abdul Jalil dengan bantuan orang Bugis melanggar Johor, tetapi mereka telah dikalahkan oleh Raja Kecil. Bendahara dihalau dari bumi Johor dan lari ke Pahang, dan Bendahara mati di sana. Bagaimanapun, anaknya Raja Sulaiman dengan bantuan orang Bugis sekali lagi membuat serangan, kali ini diatur dengan baiknya. Raja Kecil telah kalah. Dengan itu orang Bugis

mendapat tempat di Johor. Daeng Merewah dan Daeng Parani menjadi pembesar Johor; sementara itu ramailah orang Bugis berpindah ke Johor. Raja Sulaiman membenarkan orang Bugis membuka kampung-kampung baru, dan tanah-tanah dihadiahkan kepada mereka. Ini semua bagi membalas jasa di atas pertolongan mereka mengalahkan Raja Kecil; dengan itu, Johor dibanjiri oleh orang Bugis (Casparis, J.G. de., 1975).

Sementara itu di Selangor, terjadi juga perebutan pengaruh dengan orang Minangkabau. Orang Bugis memang ramai di Selangor bekerja dengan pembesar negeri sebagai pendulang bijih timah, yang waktu itu banyak terdapat di kawasan Lembah Kelang, Sungai Selangor dan Sungai Linggi yang telah menolong Raja Sulaiman. Daeng Chelak telah menjadi Yam Tuan Muda Johor pada waktu itu. Beliau telah menyusun satu angkatan besar yang terdiri daripada orang Bugis Johor menyerang Raja Kecil. Peperangan pun berlaku, dan akhirnya orang-orang Bugis mencapai kemenangan. Pada tahun 1745, Daeng Chelak melantik anaknya menjadi sultan Selangor, bergelar Sultan Salahuddin Syah. Jelas sekali kita lihat, bahawa orang Bugis telah terlibat secara langsung dalam perebutan kuasa takhta kerajaan. Mereka kelihatan cukup bijak, serta tahu menggunakan suasana dan peluang; akhirnya, mereka dapat menguasai takhta kerajaan Johor dan Selangor. Jika orang Bugis menjadi sultannya, tentulah ramai rakyat baginda terdiri daripada orang Bugis, yang semakin ramai berhijrah kedua-dua buah negeri itu dari Sulawesi.

Keadaan yang sama berlaku di Kedah dan Perak, tetapi di kedua buah negeri ini lain pula caranya. Di Kedah bermula pengaruh dan penghijrahan orang Bugis apabila berlaku perebutan kuasa timbul di antara dua orang putera di raja. Putera Sulung telah menduduki takhta kerajaan, tetapi adindanya tidak puas hati dan mahu merampas kuasa, lalu mencabar abangnya. Adindanya telah meminta bantuan daripada orang Minangkabau yang diketuai oleh Raja Kecil. Putera Sulung pula meminta bantuan daripada orang Bugis untuk mempertahankan takhta kerajaan. Sebelum peperangan berlaku, Daeng Perani telah dikahwinkan dengan saudara perempuan Putera Sulung. Perkahwinan ini sebenarnya untuk memikat bantuan daripada orang Bugis. Puteri Sulung juga berjanji hendak membayar 15 bahara bijih timah kepada orang Bugis. Malangnya, Raja Sulung tidak menepati janjinya. Baginda tidak mahu membayar 15 bahara bijih timah kepada orang Bugis. Raja Haji, pahlawan Bugis yang gagah perkasa telah menyerang Kedah dan telah berjaya dalam peperangan itu. Dengan kemenangan itu, orang Bugis telah berkuasa dalam bidang perniagaan di Kedah, terutamanya dalam perusahaan dan jual beli bijih timah.

Di Perak, suasannya juga hampir-hampir sama seperti yang berlaku dalam negeri Kedah. Pada tahun 1728, perang saudara telah meletus di Perak. Perang terjadi di antara Sultan Muzaffar Syah dengan Sultan Alaudin Mughayat Syah. Sultan Alauddin telah meminta bantuan daripada orang Minangkabau. Sultan Muzaffar Syah pula meminta bantuan daripada orang Bugis. Daeng Merewah mengetuai angkatan orang Bugis, terjadilah peperangan di antara kedua belah pihak; peperangan ini adalah yang terbesar di Perak. Dalam perang, tentu ada yang menang ada yang kalah. Bagaimanapun, bak kata pepatah menang jadi arang kalah jadi abu. Kedua-dua belah pihak menanggung kerugian. Sultan Muzaffar Syah yang mendapat bantuan daripada orang Bugis telah berjaya. Pada tahun 1734 terjadi sekali lagi perang saudara. Sultan pada masa itu ialah Sultan Muzaffar Syah sekali lagi meminta bantuan daripada Bugis. Orang Minangkabau sekali lagi menyebelahi Sultan Alaudin Mughayat Syah. Minangkabau kali ini bertindak lebih berani dengan melantik saudara Sultan sendiri menjadi sultan, dengan itu ada dua orang sultan di negeri Perak (Buyong Adil, 1972).

Demikianlah, kita telah menyaksikan bagaimana pengaruh orang Bugis berkembang di Tanah Melayu. Sekali gus kita juga dapat melihat peranan yang dimainkan oleh orang Minangkabau. Tidak secara langsung kita faham, peperangan sebenarnya terjadi di antara orang Bugis dengan Minangkabau. Setiap peperangan itu, orang Bugis telah berjaya, ini tidak bererti orang Minangkabau kalah terus. Mereka tetap juga berpengaruh di Negeri Sembilan dan Melaka. Daripada wacana perbincangan, kita telah dapat menyaksikan bagaimana bangsa besar dari kepulauan Melayu berhijrah ke Tanah Melayu. Sebelum ini, kita telah meneliti kedatangan orang Jawa ke negara ini. Sejarah ini dapat menunjukkan hubungan di antara dua buah negara yang berasal dari rumpun yang sama telah lama terjalin. Semenjak zaman dahulu lagi, sudah ramai saudara sekandung dari Kepulauan Indonesia datang berhijrah ke negara ini. Kedatangan mereka diterima dengan tangan terbuka, dan mereka bukanlah dianggap pendatang atau pengacau, tetapi saudara yang telah lama merantau dan pulang menemui sanak saudara. Ibarat kata pepatah, sirih pulang ke gagang. Penghijrahan dan perpindahan orang Melayu dari kepulauan Indonesia ke Tanah Melayu semakin ramai dalam zaman pemerintahan British. Tahun 1824 adalah tahun bermulanya zaman kekuasaan Inggeris di negeri ini.

KOLONIALISME INGGERIS

British berusaha memasukkan ramai buruh dari luar negeri, termasuklah buruh dari China dan India. Kedua-dua kaum itu begitu ramai dibawa masuk. Orang Cina menjadi buruh atau pekerja di lombong-lombong bijih timah, sementara orang India bekerja sebagai

penoreh getah di ladang-ladang getah. Ada lima kaum yang ramai berhijrah ke Tanah Melayu waktu itu, iaitu Jawa, Minangkabau, Banjar, Bugis dan Boyan. Mereka datang dari pelbagai tempat dari pulau-pulau di Indonesia yang antara satu kaum dengan kaum yang lain, cara hidup, dialek dan kemahiran mereka adalah berbeza. Ramai orang Jawa berhijrah ke Tanah Melayu, kerana percaya negara ini dapat memberikan mereka kesenangan. Kita telah melihat, orang Jawa adalah kaum yang terawal sekali datang ke Tanah Melayu. Mereka sudah ada semenjak tertubuhnya kerajaan Melayu Melaka. Merekalah yang ramai bekerja sebagai petani dan askar atau hulubalang istana; tetapi orang Jawa tidak banyak terlibat dengan pemerintahan, tidak seperti kaum Bugis dan Minangkabau. Orang Minangkabau mendirikan daerah Naning dan bersedia mempertahankan daerah itu daripada Portugis. Orang Minangkabau juga kemudiannya, berjaya mendirikan Negeri Sembilan. Bugis terlibat secara langsung dengan kegiatan pemerintahan raja-raja di Tanah Melayu, terlibat dengan perang saudara di Johor, Selangor, Perak dan Kedah. Mereka menolong pihak-pihak yang dirasakan benar dengan akhirnya, orang Bugis sendiri menjadi raja dan memegang kuasa perdagangan.

Orang Jawa tidak pernah terlibat dengan mana-mana kerajaan di Tanah Melayu. Mereka hanya datang untuk menjadi pekerja. Apabila mereka mendengar Tanah Melayu menyediakan pekerjaan, mereka pun bersedia untuk meninggalkan Pulau Jawa. Kerajaan British menyediakan kemudahan untuk menerima penghijrah-penghijrah ini, dengan menujuhkan syarikat-syarikat pengambilan orang Indonesia. Melalui syarikat inilah kedatangan mereka diuruskan. Pada waktu itu Indonesia di bawah jajahan Belanda, yang memperkenalkan Rancangan Transmigrasi. Rancangan ini menggalakkan orang Jawa berpindah keluar dari Pulau Jawa, kerana pulau itu sudah padat dengan penduduk. Kawasan pertanian tidak bertambah, sedangkan penduduk semakin banyak bilangannya; ini menimbulkan masalah kepada kerajaan Belanda. Sesiapa yang ingin berpindah ke tempat atau negara lain, kerajaan Belanda menyediakan kemudahan. Kebetulan, kerajaan Inggeris di Tanah Melayu memerlukan pekerja, orang Jawa dipindahkan dengan cara mudah dan selamat (Rahmat Saripan, 1986).

Sebelum itu, kita telah menyaksikan penghijrahan yang ramai dalam kalangan orang Cina dan India. Menjelang tahun 1920, lebih sejuta orang Cina berada di Tanah Melayu. Jumlah orang India pula hampir setengah juta, dan kedua-dua kaum ini terus datang mencurah-curah; dan tertumpu di bahagian lombong bijih timah dan ladang getah. Manusia semakin ramai, permintaan terhadap bahan makanan bertambah tinggi, kerajaan perlu menyediakan padi atau beras. Untuk memenuhi keperluan itu, orang Banjar dan Jawa khasnya dan kaum lain dari Indonesia amnya dibawa masuk ke dalam negara ini.

Menjelang tahun 1930, ada seramai 170,000 orang Jawa di Tanah Melayu, kebanyakannya tinggal di Johor, Selangor dan Perak. Di Johor, mereka bertumpu di bandar Muar, Batu Pahat dan Pontian; di Selangor, mereka bertumpu di Klang, Kuala Selangor dan Kuala Langat; di Perak pula, mereka menduduki Hilir Perak, Krian dan Parit Buntar. Kerajaan British menempatkan mereka di kawasan-kawasan yang sesuai dengan penanaman padi dengan memberikan mereka tanah untuk bercucuk tanam. Mereka menanam padi secara besar-besaran, di samping itu, ada yang mempunyai kebun kopi; tetapi ramai di antara mereka bekerja sebagai buruh di ladang-ladang kopi kepunyaan Inggeris. Tidak kurang juga yang bekerja di lombong bijih timah dan ladang getah.

Apabila kerajaan British memulakan perusahaan menanam kelapa dan nenas, ramai orang Jawa terlibat dengan pertanian ini. Mereka juga disediakan tanah, sementelah Orang Jawa memang rajin bekerja; akhirnya mereka menjadi pemilik ladang kelapa dan nenas. Kelapa banyak ditanam di Selangor dan Perak, sementera nenas di Johor. Orang Jawa amat kuat berpegang kepada kebudayaan dan tradisi mereka, yang datang membawa bersama-sama berbagai-bagai jenis kesenian, yang sangat popular ialah wayang kulit, barungan, gamelan dan pencak sila (Siegel, J., 1990).

Orang Minangkabau yang berhijrah pada zaman British, lebih tertarik ke Negeri Sembilan, justeru negeri itu sudah menjadi milik mereka. Daripada segi bilangannya, orang Minangkabau memang ramai berhijrah ke Negeri Sembilan dalam zaman Inggeris. Tidak seperti kaum lain yang terpaksa mencari tempat yang sesuai di seluruh negeri. Bagaimanapun, seperti yang telah kita bincangkan, orang Minangkabau memang sudah lama tinggal di Tanah Melayu. Sungai Ujong merupakan tempat terkenal dengan kawasan bijih timah; merekalah sebenarnya yang menguasai kawasan lombong ini. Pada suatu ketika, telah berlaku perebutan tempat melombong bijih di kalangan pembesar orang Minangkabau, pertumpahan darah berlaku. Akibat daripada pertumpahan darah itulah Inggeris masuk campur dalam pemerintahan Negeri Sembilan. Selain daripada bekerja di lombong bijih timah, mereka juga bekerja sebagai penanam padi. Keistimewaan orang Minangkabau ialah mereka pandai bermiaga dan terkenal sebagai ahli peniaga yang baik dan berjaya. Ini sudah tentu menjadi saingan kepada orang Cina.

KAUM BANJAR

Orang Banjar ialah kaum yang keempat ramainya berhijrah dari Indonesia ke Tanah Melayu. Pada tahun 1930, seramai 45,400 orang Banjar ada di Tanah Melayu. Orang Banjar berasal dari kepulauan Indonesia iaitu Kalimantan. Negeri orang Banjar terletak di selatan Kalimantan terutamanya di sekitar bandar Banjarmasin. Tidak ada catatan menunjukkan

orang Banjar datang lebih awal bersama-sama dengan orang Bugis. Orang Banjar hanya datang ke Tanah Melayu selepas Inggeris berkuasa. Mereka terkenal sebagai ahli pelayaran dan sangat berani. Orang Bugis dan Minangkabau berhijrah mencari tempat baru setelah tempat tinggal mereka dikuasai oleh orang lain; tetapi tiada desakan untuk keluar negeri bagi orang Banjar.

Kalimantan adalah pulau yang terkenal sebagai kawasan pertanian yang terbesar di Indonesia. Selain daripada terkenal sebagai ahli pelayaran dan berani, orang Banjar juga terkenal sebagai petani atau pesawah. Orang Inggeris membawa masuk orang Banjar dari Kalimantan, semata-mata untuk menyuruh mereka menanam padi. Di Tanah Melayu telah berlaku kebanjiran buruh, terutama dari China dan India, sedangkan bahan makanan kurang; jadi, Inggeris terpaksa mencari orang yang boleh menyediakan tanaman padi. Orang Jawa juga dibawa dengan tujuan yang sama. Daripada segi bertanam padi, orang Banjar lebih pandai daripada orang Jawa. Sewaktu Inggeris mahu mencari suatu bangsa atau kaum untuk disuruh menanam padi di Tanah Melayu, Belanda mencadangkan Inggeris mengambil orang Banjar. Daripada sudut sejarah kita mengenal orang Banjar melalui *Hikayat Banjar* (Ras,J.J. 1968).

Di Kalimantan sendiri terdapat ramai penduduk dan kurang pekerjaan. Jadi, ramailah keluarga Banjar berpindah ke Tanah Melayu. Kaum Banjar ini pula mempunyai banyak kaum, puak atau kelompok, antaranya ialah Banjar Alai, Kelua, Kandangan, Matapura dan sebagainya. Kelompok ini dinisbahkan kepada kawasan atau daerah tempat tinggal mereka di Kalimantan itu. Cara hidup mereka adalah sama. Cuma yang berbeza di antara satu kelompok dengan yang lain ialah dialek. Sesampainya mereka di Tanah Melayu, Inggeris segera membenarkan mereka membuka kawasan tanah baru. Kawasan itu sesuai untuk bercucuk tanam. Di antara kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan orang Banjar ialah Batu Pahat, Sabak Bernam, Tanjung Karang, Parit Buntar, Bagan Serai dan Kuala Kangsar.

Keistimewaan orang Banjar dalam bertani ialah pandai membuat tali air atau parit air. Kepandaian ini mereka bawa dari Banjar. Kawasan padi yang luas memerlukan sistem pengairan yang baik, dengan cara membina parit-parit yang dapat membekalkan air dengan cukup untuk sawah padi. Orang Jawa dan kaum-kaum lain dari Indonesia juga pandai bersawah padi, tetapi tidak mahir membuat parit air itu. Di mana sahaja kawasan padi dibuka oleh orang Banjar, mereka akan membina parit air. Dengan itu hasil padi menjadi lebih banyak dan padi juga tidak diserang penyakit. Parit-parit yang digali itu, kemudiannya diberi nama, biasanya, nama parit diambil sempena nama orang yang terkenal. Nama itu sering juga diambil daripada ketua kampung atau ketua yang menggali

parit itu. Sebab itu di Batu Pahat atau di Johor, kita dapat banyak parit yang mempunyai nama. Ini juga terdapat di mana-mana sahaja ramai orang Banjar tinggal, contohnya, di Parit Lebai Abd. Kadir di Alor Pongsu Bagan Serai, Perak.

Boleh dikatakan orang Banjar berkumpul di kawasan pertanian sahaja, di mana-mana terdapat sawah padi meluas itu adalah milik orang Banjar. Orang Banjar terkenal kerana kuat berpegang kepada agama Islam; sebab itu, hasil padi yang mereka perolehi, mereka simpan sedikit demi sedikit hingga dapat ke Mekah mengerjakan haji beberapa kali. Mereka juga banyak mengisi seolah-sekolah agama rakyat, mereka lebih suka menghantar anak mereka ke sekolah-sekolah agama dan Arab daripada sekolah lain (Groenveldt, W.P. 1991).

Setelah begitu ramai orang Banjar berhijrah ke Tanah Melayu, banyaklah kawasan padi dibuka. Oleh kerana jumlah mereka semakin ramai, pekerjaan lain pula disediakan. Orang Banjar yang datang kemudian, lebih suka bekerja sebagai penoreh getah. Sebagai contohnya ramai orang Banjar tinggal di beberapa buah kampung di sekitar bandar Kuala Kangsar Perak, seperti Kampung Senawar, Kampung Sendayan dan Kampung Kuala Cermin. Pada mulanya, mereka bekerja sebagai penoreh getah di kebun-kebun getah kepunyaan orang-orang kaya Perak; tetapi lama kelamaan, apabila mereka dapat mengumpul banyak wang, mereka membeli kebun-kebun getah itu. Ada di antara mereka yang telah membuka kedai. Mereka juga berkebolehan berniaga seperti orang Minangkabau.

Suatu amalan yang baik dilakukan oleh orang Banjar ialah sifat kerjasama. Mereka terkenal kerana perpaduan mereka, sesuatu kerja mereka lakukan bersama. Orang Banjar juga terkenal kerana keberanian; jika dibandingkan keberanian orang Bugis dengan orang Banjar, ternyata orang Banjar lebih berani. Ke mana sahaja mereka pergi, mereka membawa pisau belati. Iaitu sejenis pisau yang tajam berkilat itu disisipkan di pinggang. Mereka merasakan tidak lengkap jika berjalan tanpa berpisau belati. Tidak dapat dipastikan berapa ramaikah jumlah orang Bugis di Tanah Melayu. Bagaimanapun, bilangan mereka tidak melebihi orang Banjar.

Orang Bugis ramai datang ke Tanah Melayu semenjak zaman kerajaan Johor, Selangor dan Perak dahulu. Mereka datang beramai-ramai dengan meninggalkan Makasar, tanah tumpah darah mereka. Mereka juga datang bersama-sama dengan raja mereka. Raja Bugis inilah yang kemudiannya berkuasa di Johor, Selangor dan beberapa tempat di Kedah. Orang Bugis ramai tinggal di kawasan-kawasan Kukup, Benut dan Rengit di Johor. Di Selangor, mereka tinggal di Lembah Langat. Ada juga yang tinggal di beberapa tempat negeri Perak. Mereka terlibat dalam kegiatan pertanian dan pembiagaan. Dalam beberapa

hal, mereka juga terlibat dengan penanaman kelapa dan nenas. Ada di antara mereka yang mempunyai kebun kelapa yang luas dan pandai menanam pokok nenas.

KAUM BOYAN

Orang Boyan atau Bawean datang dari Pulau Boyan, Indonesia, iaitu sebuah pulau yang kecil. Menurut kepercayaan mereka, anak muda harus merantau, oleh itu ramailah anak muda merantau ke tempat lain. Tanah Melayu menjadi tumpuan kerana negara ini mengalu-alukan kedatangan penduduk kepulauan Indonesia. Setiap kaum atau bangsa itu, ada keahliannya, ada yang pandai bermiaga, ada yang pandai menanam padi, ada pula yang pandai bekerja di lombong bijih timah. Orang Boyan mempunyai keahlian lain daripada yang lain, mereka terkenal kerana pandai memelihara kuda. Pada masa itu, tidak ada kuda dalam hutan Tanah Melayu; namun iklim negara ini sesuai untuk memelihara kuda buat kenderaan. Kuda dapat membawa penunggangnya dari satu tempat ke satu tempat dengan cepatnya dan kuda juga adalah sejenis binatang yang sangat taat kepada tuannya. Pada waktu itu, kuda digunakan untuk bersukan, seperti bermain polo, di mana raja-raja zaman itu suka bermain polo. Boleh dikatakan setiap sultan ada mempunyai kuda dan padang polo; malah, sultan-sultan itu memiliki berpuluhan-puluhan kuda. Orang Boyanlah yang diberikan tugas untuk memelihara dan menjaga kuda-kuda sultan itu (Groenveldt, W.P. 1960).

Ramailah orang Boyan dibawa masuk ke Tanah Melayu; bukan sahaja menjaga kuda sultan dan kerabatnya, tetapi juga pegawai-pegawai Inggeris yang mempunyai kuda. Di samping itu, orang Boyan juga ramai yang menjadi pemandu kereta terutama kepada pegawai Inggeris dan juga tauke-tauke Cina. Khidmat orang Boyan itu sangat diperlukan, lagi pun orang Boyan sangat setia kepada tuannya. Oleh itu, ramai orang Boyan tinggal di bandar-bandar besar, terutama di kawasan yang ada pemeliharaan kuda. Mereka tinggal di Kuala Lumpur, Ipoh, Johor Bahru, Pulau Pinang dan tempat-tempat lain. Mereka suka tinggal berkelompok dan di mana-mana sahaja mereka tinggal, mereka akan namakan kampung itu Kampung Boyan. Masa berlalu dan cara hidup berubah. Kalau dahulu orang Boyan memelihara kuda, tetapi kini ramai pula yang menjadi joki. Mereka adalah penunggang kuda yang cekap dan pintar. Bagaimanapun, bukanlah semua orang Boyan terlibat dengan kuda. Ada juga yang bermiaga, bertani, bertukang dan sebagainya. Sesetengahnya pula penganut agama Islam yang taat dan setia. Jumlah orang Boyan di Tanah Melayu tidaklah begitu ramai, dianggarkan, jumlah mereka tidak kurang sepuluh ribu orang; dan kini angka itu semakin bertambah.

KAUM SUMATERA

Kelompok lain-lain orang Melayu dari kepulauan Indonesia datangnya dari Sumatera. Mereka datang berhijrah pada zaman Tanah Melayu diperintah oleh Inggeris. Antara kelompok itu ialah orang Rawa, orang Mandeling, orang Kerinci, orang Kampar dan orang Aceh. Bintang filem yang terkenal, iaitu Allahyarham P. Ramlee, ayahnya berasal dari Aceh. Begitu juga sasterawan tanah air seperti Abdullah Husain dan adiknya Profesor Datuk Ismail Husain mempunyai darah Aceh. Orang Aceh sebenarnya sudah ada di Tanah Melayu dalam tahun-tahun 1700-an dahulu; ramai tinggal di Perak dan Pulau Pinang. Aceh banyak kali menyerang Perak, dan Perak banyak kali jatuh ke tangan Aceh. Ramailah orang Aceh tinggal di Perak, sebab itu kita dapat, terutamanya di Kampung Gajah dan daerah Parit, ramai orang Aceh. Kesenian orang Aceh yang masih ada hingga sekarang ialah permainan dabus, yang dikatakan ia berasal dari Negeri Aceh sendiri. Bertambah ramai orang Aceh, Rawa, Mandeling, Kerinci dan Kampar datang ke Tanah Melayu bekerja sebagai buruh lombong bijih timah atau menoreh getah; ada juga yang berladang atau bertani. Perak adalah negeri yang ramai diduduki oleh orang-orang dari Sumatera itu; malah ada sebuah bandar, yang telah mengadakan perayaan 100 tahun sempena penubuhannya di Perak, bandar itu bernama Kampar. Kampar telah dibuka oleh orang Kampar yang datangnya dari daerah Kampar, Sumatera. Orang Rawa dan Mendeling ramai tinggal di Tronoh dan Batu Gajah, Perak. Sementara orang Kerinci ramai tinggal di kawasan yang mereka namakan Kampung Kerinci, dekat Lembah Pantai Kuala Lumpur. Ada cerita mitos yang termasyhur tentang orang Kerinci, dikatakan mereka boleh bertukar menjadi harimau jadian (Khazin Mohd Tamrin, 2011).

Demikianlah bangsa, kaum atau kelompok orang Melayu dari kepulauan Melayu Indonesia yang berhijrah ke Tanah Melayu. Sebenarnya boleh dikatakan seluruh pelosok Indonesia, datang berhijrah ke Tanah Melayu, cuma bilangan mereka itu kecil; misalnya, ada juga yang datang dari daerah Menado, Bali, Surabaya, Bandung dan sebagainya. Jika dijumlahkan, kesemua penghijrah itu memanglah ramai, meningkat ke angka juta. Merekalah yang menambahkan bilangan penduduk asal di Tanah Melayu. Penghijrahan atau perpindahan mereka,tidaklah boleh disamakan dengan orang Cina atau India, yang diistilahkan sebagai pendatang, sedangkan kelompok dari Indonesia itu berpindah ke rumah saudara-mara kerana semuanya berasal dari satu rumpun. Mereka semua berasal daripada satu nenek moyang dan keturunan.

Pada tahun 1957, iaitu sewaktu Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, penduduk Melayu berjumlah 2,427,800 orang. Ini merupakan 50% keseluruhan penduduk Tanah Melayu. Sementara penduduk Cina berjumlah 37% iaitu 2,332,936 orang dan India

berjumlah 695,985 orang iaitu 11%. Tegasnya, menjelang hari kemerdekaan, setengah daripada penduduk Tanah Melayu, adalah orang Melayu. Tidak syak lagi orang Melayu terdiri daripada saudara-saudara kita yang telah berhijrah dari kepulauan Indonesia ke Tanah Melayu; mereka bukanlah pendatang. Taraf mereka adalah sama dengan penduduk asal Tanah Melayu. Kesusaahan hidup selalu menjadi pendorong kepada manusia untuk berpindah. Nabi Muhammad s.a.w. sendiri, dalam hidup baginda pernah berpindah dengan meninggalkan Mekah al-Mukarramah, tanah tumpah darah untuk berpindah ke Madinah al-Munawwarah. Kesusaahan yang dialami oleh penganut agama Islam menjadi sebab Nabi s.a.w menggesa umat Islam berpindah.

TANGGAPAN

Penghijrahan orang-orang Melayu Indonesia ke Tanah Melayu berlaku dalam pelbagai peringkat, ada di zaman Melaka, Portugis, Belanda dan Inggeris. Sebagai contoh, kita menyaksikan Belanda yang memerintah Indonesia, gagal untuk memberikan taraf hidup yang baik kepada penduduknya; kehidupan yang sukar menjadikan orang berfikir untuk mencari jalan bagaimana untuk menghadapi hidup ini, lalu mereka berpindah.

Pertama, perpindahan akibat daripada penjajahan itu sendiri. Bilangan penduduk kian bertambah, sedangkan kawasan pertanian tetap pada tahap lama dan tidak ada kawasan baru dibuka. Ertinya, orang lebih ramai daripada pekerjaan dan bahan makanan yang ada tidak mencukupi; meskipun tidak berlaku kebuluran, tetapi berlaku kemiskinan dan kesusaahan. Kehidupan orang Indonesia semakin merosot dan terdesak, Pulau Jawa dan daerah Banjarmasin menjadi padat dengan penduduk, bukan sahaja makanan kurang, sistem kesihatan juga diabaikan. Dengan itu, berlakulah penyakit seperti taun, malaria, campak dan cacar yang semakin menjadi-jadi. Kerajaan Belanda tidak dapat mengawal keadaan; dengan itu Belanda sendiri menggalakkan supaya orang Indonesia berpindah ke Tanah Melayu.

Kedua, adanya sifat pengembaraan dalam kalangan masyarakat Melayu Indonesia sendiri. Orang Bugis dan Minangkabau memang terkenal sebagai ahli pelayaran yang cekap dan mahir; dengan itu penghijrahan bagi mereka adalah perkara biasa. Orang Minangkabau juga digalakkan merantau dengan Adat Perpatih yang mereka anuti, menggesa kaum mudanya supaya merantau. Ini juga terjadi kepada kaum Boyan, yang menyifatkan anak muda sebagai pengecut atau lemah, jika hanya tinggal dalam negeri sahaja, mereka harus meluaskan pandangan dan menambahkan pengalaman. Orang-orang Banjar juga sangat terkenal sebagai ahli pelayaran, mereka boleh membuat kapal layar yang besar-besaran. Kemahiran mereka dalam membina kapal-kapal

sangat mengagumkan. Bagi mereka tidak ada masalah untuk belseyur jauh, kerana pengangkutannya sudah ada.

Ketiga, suasana Tanah Melayu sendiri yang menggalakkan saudara serumpun dari Indonesia itu untuk berhijrah. Semenjak zaman Melaka lagi, penghijrahan itu digalakkan, dengan Sultan Melaka sendiri sedar, baginda berasal dari tanah seberang, baginda mahukan rakyat Melaka bertambah ramai, caranya ialah dengan penghijrahan. Orang Minangkabau diberi daerah, iaitu Naning dan akhirnya mereka begitu ramai, sehingga membuka Negeri Sembilan. Kehadiran orang Bugis pula dialu-alukan kerana mereka menolong pihak-pihak tertentu untuk membina kerajaan.

Apabila British berkuasa, bangsa Eropah ini menjamin keamanan dan keselamatan penghijrah dengan diberi pekerjaan, tempat tinggal dan kemudahan hidup. Perusahaan lombong bijih timah dan ladang getah, memberi peluang kepada mereka yang ingin tinggal di negara ini. Jika tidak bekerja sebagai pelombong atau penoreh, mereka bekerja sebagai petani. Orang Banjar dibawa dari Banjarmasin untuk jadi petani dengan disediakan tanah yang memberi kemudahan dan keselesaan kepada mereka. Ekonomi dan taraf hidup rakyat juga semakin baik dan mereka tidak akan hidup susah, asalkan sahaja seseorang itu rajin bekerja. Peluang pekerjaan ada di mana-mana, dan inilah sebenarnya yang menjadi pendorong utama orang Indonesia datang berhijrah.

Keempat, orang Melayu Indonesia tidak merasa kekok dan terasing berhijrah ke Tanah Melayu, perasaan dan sikap ini adalah penting. Mereka merasa seolah-olah hanya berpindah dari rumah saudara lain ke rumah saudara yang lain. Memang banyak persamaan di antara orang Melayu Indonesia dengan orang Melayu Tanah Melayu; kedua-dua bangsa itu beragama Islam, faktor yang cepat merapatkan hubungan di antara keduanya; dalam Islam semua umatnya adalah bersaudara, apalagi di antara kedua bangsa itu berasal dari satu rumpun.

Orang Melayu Tanah Melayu, juga sangat senang menerima saudara mereka yang datang daripada Indonesia itu. Tidak ada catatan sejarah yang menunjukkan orang Melayu Tanah Melayu merasa curiga. Ini berbeza dengan perasaan orang Melayu menerima bangsa Cina dan India. Suatu masa dahulu, orang Melayu terlalu curiga dengan kedua bangsa ini, kerana mereka takut, orang Cina dan India akan membolot kekayaan Tanah Melayu; namun perasaan itu tidak timbul jika orang Jawa atau orang Banjar menjadi kaya-raya. Adat resam dan cara hidup juga sama, cuma yang agak berbeza ialah dialek. Bagaimanapun lama-kelamaan masalah dialek ini tidak timbul, orang Melayu Indonesia, mengikut dialek atau loghat Melayu tempatan. Jadi, tidak ada masalah dalam hubungan antarabangsa di antara kedua bangsa itu.

Kelima, faktor alam boleh dijadikan sebab perpindahan. Tidak ada bezanya iklim dan keadaan alam di antara Indonesia dan Tanah Melayu. Kedua-dua buah negara itu terletak di kawasan panas tropika dan jarak di antara dua buah negara itu juga tidak jauh. Dari kepulauan Sumatera ke Tanah Melayu, jika menggunakan kapal layar dalam sehari semalam sudah sampai. Apalagi jika menggunakan kapal api atau steam, hanya beberapa jam sahaja boleh tiba. Menjadi satu perkara biasa, orang Mendeling, Rawa atau Kampar berhijrah ke Tanah Melayu dengan sampan. Faktor alam yang sama itu, tidak menimbulkan apa-apa masalah dalam hidup. Tentu sahaja orang Inggeris tidak akan mahu tinggal menjadi buruh atau penoreh getah di Tanah Melayu, sebabnya, iklimnya berlainan. England cuacanya sejuk dan bersalji, sedangkan Tanah Melayu panas terik sepanjang tahun.

Tanah Melayu waktu itu, masih merupakan hutan belantara. Kerajaan British menyediakan tanah-tanah khas untuk orang Melayu, dengan itu mudahlah orang Melayu Indonesia itu mengerjakannya. Satu hal yang menarik juga, Inggeris tidak membezakan di antara orang Melayu dari Indonesia dengan orang Melayu Tanah Melayu. Kedua-dua bangsa itu dilayan dan dianggap sama dan setaraf. Hal inilah yang cepat memesrakan di antara kedua bangsa itu. Orang Melayu Tanah Melayu sendiri, tidak menganggap mereka lebih berhak atau baik atau harus diberi keistimewaan. Orang Melayu Tanah Melayu menerima dengan senang hati kedatangan orang Melayu Indonesia.

Orang Melayu suka tinggal di kampung-kampung, yang didirikan berhampiran dengan tebing sungai, yang menjadi jalan perhubungan. Mereka membuat sampan atau membeli bot; dari kampung tempat tinggal, mereka ke bandar-bandar untuk membeli barang keperluan dapur. Sungai juga dijadikan tempat mandi-manda dan sumber minuman. Rumah-rumah orang Melayu biasanya didirikan sejajar dengan sungai. Ada tempat-tempatnya, rumah itu berkelompok atau sekumpul. Papan adalah bahan yang sangat digemari untuk dibuat rumah kerana ia senang didapati; Tanah Melayu banyak mengeluarkan balak. Bagi mereka yang tidak berupaya membeli papan, mereka membuat rumah berdindingkan bertam atau buluh dengan atapnya dibuat daripada daun rumbia. Orang yang dianggap pandai, bertanggungjawab dan berbudi mulia akan dilantik menjadi ketua kampung yang mengawasi dan menjaga keamanan, keselamatan dan menyelesaikan masalah yang timbul, jika penduduk kampung menghadapi sesuatu kesusahan, mereka akan berjumpa ketua kampung untuk mengadu.

Sewaktu orang Melayu menganut fahaman animisme, pawang atau bomoh menjadi ketua kampung. Mereka dianggap boleh menghubungi kuasa halus, yang dipercayai dapat menjaga keselamatan kampung. Apabila orang Melayu menganut agama Islam, imam akan dianggap sebagai ketua agama; jika ada masalah yang timbul

dalam hal agama, mereka bertanya kepada imam. Biasanya, dalam sebuah kampung itu sekurang-kurangnya ada sebuah surau, di sinilah anak-anak muda atau kanak-kanak diajar mengaji al-Quran dan ilmu agama. Penduduk kampung akan bersembahyang berjemaah, terutamanya pada waktu maghrib dan isyak. Sering pula diadakan majlis membaca Yasin pada setiap malam Jumaat, atau disi dengan ceramah agama. Hubungan di antara seseorang dengan seseorang dalam masyarakat Melayu sangatlah rapat. Ahli atau anggota masyarakatnya saling hormat menghormati di antara satu sama lain, yang muda dikasihi, yang tua dihormati; itu adalah kata-kata hikmat yang diamalkan oleh orang Melayu. Sekiranya terjadinya sesuatu perselisihan, pergaduhan atau perkelahian, hal ini cepat diselesaikan dengan ketua kampung dan imam surau akan berusaha untuk menyelesaikan sengketa yang timbul. Semangat kerjasama dan bergotong-royong sedia tertanam di jiwa orang Melayu tidak mengira bagi orang Melayu asal atau Melayu penghijrah, mereka cepat mesra dan bertolak ansur. Mereka yang mahu hidup secara 'kerasumbang' akan dipulaukan. Orang Melayu sangat kuat berpegang kepada adat. Adat ialah kebiasaan dalam hidup yang diturunkan dan diamalkan dari satu generasi ke generasi berikutnya. Orang Melayu juga kaya dengan pantang-larang, jika dilanggar seseorang itu akan menerima akibatnya; misalnya, seorang perempuan tidak boleh menyanyi di dapur, akibatnya dia akan berkahwin dengan lelaki tua.

Sebagai warisan adat lama, orang Melayu kaya dengan kepercayaan dan pesta. Setiap pesta diadakan pula majlis keramaian yang diisi dengan nyanyian dan tarian, antaranya ialah puja pantai, menuai padi dan sebagainya. Perayaan yang ada hubungannya dengan keagamaan ialah mandi safar, hari maulud, hari Asyura dan sebagainya. Orang Melayu menyambut dua hari raya besar iaitu Hari Rayu Puasa atau Aidilfitri dan Hari Raya Haji atau Hari Raya Korban. Sebelum menjelang Hari Raya Puasa, orang Islam dimestikan berpuasa selama sebulan dengan menahan diri daripada makan dan minum dan lain-lain perkara yang membatalkan puasa. Memfitnah, berdusta, mencerca, menghina dan sebagainya adalah dilarang, kerana ia boleh mengurangkan pahala puasa. Tujuan ibadat ini ialah untuk mendidik orang Melayu supaya sama-sama merasa susah, dan juga sebahagian tanda pengabdian kepada Allah. Hari Raya Adilfitri dinanti dengan penuh persiapan dengan rumah dihias cantik dan berbagai-bagi jenis kuih dibuat atau dibeli. Kebiasaannya pada malam raya, ketupat, lemang, nasi himpit akan dimasak mengikut selera masing-masing. Semua sanak saudara berkumpul, yang jauh kembali pulang. Pagi-pagi lagi mereka beramai-ramai pergi ke masjid atau surau, memuji-muji nama Allah. Kemudian sembahyang sunat Hari Raya dan selepas itu mereka kembali ke rumah untuk makan bersama-sama dengan keluarga dan bermaaf-maafan sesama sendiri.

Hari Raya adalah peluang untuk menziarahi teman dan sahabat, bermaaf maafan dan bertanya khabar, fakir miskin pula diberi sedekah dan tidak lupa yang telah pergi, diziarahi kuburnya. Hari Raya Haji atau Aidiladha pula merayakan orang Islam yang pergi ke Mekah menunaikan fardu haji. Persiapan ketibaannya, tiidaklah begitu hebat, bagaimanapun kuih-muih ada juga dibuat, termasuk ketupat dan lemang dimasak. Pagi-pagi lagi umat Islam akan ke masjid dan surau untuk bersebahyang Hari Raya Korban. Perayaan lain ialah Hari Maulud, hari sambutan untuk mengingati kelahiran Nabi Muhammad s.a.w. Hari Maulud disambut pada setiap 12 Rabiul awal. Berbagai-bagai cara sambutan, ada yang mengadakan perarakan, mereka berkumpul di sebuah padang, kemudian mereka berjalan sepanjang jalan menuju ke masjid. Semasa berjalan mereka berselawat, memuji nabi. Di masjid, diadakan syarahan dan ceramah agama yang isinya tertumpu kepada sejarah hidup Nabi. Majlis diakhiri dengan jamuan makan. Ada juga sambutannya dengan mengadakan ceramah atau syarahan agama sahaja.

Mandi Safar ialah hari kebesaran yang suatu masa dahulu disambut secara besar-besaran, menolak bala dan bencana, tetapi kini sudang mengurang, kerana dikatakan bertentangan dengan agama dan telah bertukar menjadi temasya berkelah sahaja. Hari Asyura ialah satu lagi perayaan yang dikaitkan dengan agama yang disambut pada hari 10 Muharam. Hari ini disambut secara sederhana, tetapi penuh makna, biasanya mengadakan kenduri dengan memasak makanan yang dinamakan bubur asyura. Perayaan ini untuk memperingati selamatnya bahtera Nabi Nuh a.s. dari mengharung banjir besar, sekali gus untuk memperingati cucu Nabi Muhammad s.a.w. iaitu Hussein bin Ali yang telah berperang dan terbunuuh dalam peperangan yang dinamakan Karbala.

Orang Melayu memang suka kepada hiburan. Mereka akan membanjiri tempat di mana ada pertunjukan seperti nyanyian, tarian, drama dan sebagainya, di samping mereka bersifat serius dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Mereka kuat bekerja, tabah, berani dan sedia menghadapi apa juga cabaran. Orang Melayu juga suka bersukan, permainan sepakraga adalah warisan Melayu. Orang Melayu dari kepulauan Indonesia juga sangat suka bermain sepakraga seperti sepakraga bulatan atau takraw. Permainan-permainan lain yang disukai ialah bola sepak, badminton, ragbi dan lain-lain. Permainan tradisional hingga dewasa ini yang masih digemari ialah permainan wau, gasing, congkak dan lain-lainnya, termasuklah silat iaitu seni mempertahankan diri, namun akhir-akhir ini silat menjadi sebahagian daripada sukan.

Orang Melayu Tanah Melayu dan Melayu yang berasal dari Indonesia telah hidup bersatu hati. Unsur-unsur kesenian seperti tarian dan nyanyian telah dihayati bersama. Apa yang dimiliki oleh orang Melayu asal diterima oleh penghijrah. Dan apa yang

dibawa oleh penghijrah diterima oleh penduduk Melayu asal. Malah dalam cara hidup mereka, tidak ada langsung perbezaan di antara keduanya. Tarian-tarian Melayu seperti Mak Inang, Tarian Lilin, Tarian Zapin dan sebagainya menggambarkan cara hidup orang Melayu. Tariannya lemah gemalai, lenggang-lenggoknya bersahaja dan mempesonakan, menggambarkan orang Melayu yang lemah-lembut, bersopan dan setia. Orang Melayu adalah bangsa yang banyak bersabar, bertolak ansur dan cintakan hidup aman tenteram.

Yang menjadi tujuan hidup dan falsafah orang Melayu, mereka tidaklah mengejar kebendaan semata-mata. Mereka hidup bukan untuk menjadi kaya-raya, memadailah untuk hidup senang dan tidak meminta. Mereka tidak lupa, selepas mati ada pembalasan, jarang orang Melayu melakukan kerja-kerja yang boleh menjelaskan kemanusiaan seperti membunuh, merompak dan sebagainya. Namun begitu orang Melayu, jangan dihina atau diperkecilkan. Orang Melayu terkenal dengan sifat dan semangat ‘amuk’. Amuk atau mengamuk ialah melahirkan rasa tidak puas hati dengan tindakan fizikal atau badan, di tangan ada senjata dan dia akan berdepan dengan lawan dan kawan; dia rela mati, terutamanya untuk menegakkan kebenaran. Sifat inilah yang ditakuti oleh Inggeris, sifat inilah sebenarnya yang telah membunuh J.W.W. Birch, Residen Perak yang pertama, yang tidak tahu hati nurani orang Melayu.

Orang Melayu tetap hidup mengikut budayanya sendiri di tengah-tengah masyarakat majmuk hari ini. Mereka tidak mengenal lagi sama ada Melayu asal, Bugis, Banjar, Minangkabau, Jawa, Rawa, Kampar dan lain-lainnya. Mereka hidup bersatu-padu dan terkenal dengan panggilan Melayu. Melayu seperti tercatat dalam Perlembagaan ialah seseorang yang menganut agama Islam, lazimnya bercakap bahasa Melayu dan hidup menurut adat istiadat Melayu.

KESIMPULAN

Demikianlah penyusuran akar-akar Melayu, dan kini orang Melayu sedang menjalani sebuah budaya baru pascamerdeka, pascamoden dan di dunia global di alaf yang baru. Di hadapan mereka banyak cabaran yang mentradisi atau baru sepertikekangan orientalisme menentang Melayu/Islam, cabaran paradigma pemikiran Islam pascamoden, wacana baru Islam pascamoden, krisis dan tragedi dalam pemikiran Islam, menghadapi gerakan pembinaan tamadun baru Islam, penyelesaian wacana Melayu kontemporari dan kritikan terhadap akal Melayu dan banyak lagi yang boleh digalurkan. Di seluruh dunia kini, kesusasteraan ditatang oleh teori sastera etnikologi, yang masing-masing berusaha untuk menyisir sejarah masa silam dan menggilap permata bagi membina

identiti baru dalam zaman pascamoden ini. Diharapkan dengan tulisan yang kecil ini cuba mendekonstruksi kembali bangsa Melayu dan menghujahkan bahawa bumi ini adalah milik mereka dan sampai bila-bila mereka lebih berhak untuk hidup di dalamnya. Bangsa Melayu akan meneruskan keperluanannya.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman al Ahmadi, 1966. *Pengantar Sastera*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Ahmad Syalaby, 1970. *Sejarah dan Kebudayaan Melayu Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Abdul Samad Ahmad (pnyt.), 1986. *Sulalatus-Salatin: (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al Attas, Syed Muhammad Naquib, 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anderson, B.R.O'G., 1972. "The Idea of Power in Javanese Culture" dlm. Holt, C. (pnyl.), *Culture and Politics in Indonesia*. Ithaca: Cornell University Press.
- Buyong Adil, 1972. *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Casparis, J.G. de., 1975. *Indonesian Paleography*. Leiden: t.p.
- Chelliah, D.D., 1960. *A Short Story of The Educational Policy of The Straits Settlements*. Singapore: t.p.
- Coedes G., 1968. *The Indianized States of South East Asia*. Honolulu: Honolulu Press.
- De Jong, de Josselin, 1952. *Minangkabau and Negeri Sembilan: Sociopolitical Structure in Indonesia*. The Hague: M. Nijhoff.
- De Jong, de Josselin, 1974. "The Character of The Malay Annals" dlm. Bastin, J. dan Roolvink, R. (pnyt.) *Malayan and Indonesian Studies, Essays Presented To Sir Richard Winstedt on His Eighty fifth Birthday*. London: Oxford University Press.
- Gallop, A.T., & Arps, B. (pnyl.), 1991. *Golden Letters, Writing Traditions of Indonesia*. London: The British Library & Jakarta: Yayasan Lontar.
- Groenveldt, W.P., 1960. *Historical Notes on Indonesia and Malayan Peninsula from Chinese Sources*. Jakarta: t.p.
- Gullick, J.M., 1958. *Indigenous Political Systems of Western Malaya*. London: Athlone Press.
- Khazin Mohd. Tamrin, 1989. "Merantau: A Study of Javanese Immigration and Settlement in The Tanah Seberang of the Malay Peninsula, 1860-1940". Tesis Ph.D. University of Kent at Canterbury.

Menyelusuri Akar Melayu dengan Teori Keunggulan Teksdealisme

- Khazin Mohd Tamrin, 2011. "Sejarah Orang Rawa di Tanah Seberang Semenanjung" dalam Talib Samat (pny.) *Memartabatkan Kepahlawanan Nakhoda Muhammad Taib*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Kratz, E.U., 1973. *Peringatan Sejarah Negeri Johor*: een Malaiische Quelle zur Geschichte Johors in 18 Jahrhundert. Wiesbaden: Otto Harrassowitz.
- Malaysia, Perlembagaan Persekutuan*, 1970. Kuala Lumpur: Jabatan Peguam Negara.
- Maxwell, W.E. t.th. "The History of Perak from Two Native Sources" dlm. JMBRAS, ibid, hlm. 305-21.
- Mead, J.P (pnyl.), 1914. *Hikayat Raja-Raja Pasai*. JSBRAS 66: 1-55. Milner, A., 1977. "The Malay Raja: A Study of Malay Political Culture in East Sumatra and The Malay Peninsula in The Early Nineteenth Century". Tesis Ph.D. Cornell University.
- Mets, Adam, 1975. *The Renaissance of Islam*. New York: AMS Press.
- Milner, A., 1982. *KERAJANAN: Malay Political Culture on The Eve of Colonial Rule*. Tuscon: The University of Arizona Press.
- Mohd. Yusof Md. Nor (pnyl.), 1984. *Salasilah Melayu dan Bugis*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Muhammad Yusoff Hashim, 1988. *Persejarahan Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Poerbatjaraka, Ng. R.M., 1957. *Kepustakaan Jawa*. Djakarta: Penerbitan Djambatan.
- Rahmat Saripan, 1986. "Pembangunan Sosioekonomi Kaum Tani Parit Jawa 1870-1900" dlm. *JEBAT*, 14, hlm. 49-64.
- Raja Ali Haji, 1956. *Salasilah Melayu dan Bugis dan Sekalian Raja-Rajanya*. Johor: Pejabat Cetak Kerajaan Johor (Jawi).
- Raja Chulan, 1991. *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Ras, J.J. (pnyl.), 1968. *Hikayat Bandjar: A Study in Malay Historiography*. The Hague: M. Nijhoff.
- Ras, J.J. (pnyl.), 1990. *Hikayat Banjar*. Terjemahan Siti Hawa Haji Salleh. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roff, W., 1974. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Siegel, J., 1979. *Shadow and Sound, The Historical Thought of a Sumatran People*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Siti Hawa Salleh, 1987. *Cendekia: Kesusastraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Soedjatmoko (pnyl.), 1965. *An Introduction to Indonesian Historiography*. Ithaca: Cornell University Press.

Sullivan, F., 1985. "A Critical Appraisal of Historians of Malaya: The Theory of Society Implicit in Their Work" dlm. Higgott, R. dan Robinson, R. (pnyl.), *Southeast Asia: Essays in The Political Economy of Structural Change*. London: Routledge & Kegan Paul.